



Headline	REHDA mahu penjelasan lanjut
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	22 Nov 2017
Section	Ekonomi
Page No	16
Language	Malay
Journalist	MUHD. SHAHIZAM TAZALI
Frequency	Daily



REHDA mahu penjelasan lanjut

Oleh **MUHD. SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) mahu mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak berkuasa berhubung pembekuan sementara projek pembangunan hartanah yang bernilai lebih RM1 juta.

REHDA dalam kenyataannya menjelaskan bahawa, lambakan hartanah yang bernilai lebih daripada RM1 juta tidak dapat dijual berpunca daripada permintaan dan penawaran yang tidak sepadan.

Justeru jelasnya, penubuhan data komprehensif berkaitan penawaran dan permintaan har-

tanah di sesuatu kawasan perlu diwujudkan.

“Pihak kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) serta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bekerjasama dalam mengguna dan menyelaraskan data.

“Maklumat data yang tepat dapat membantu pemaju dan pemain industri berkaitan untuk membuat keputusan yang tepat sekali gus mengelakkan lebih penawaran dalam pasaran,” jelasnya di sini hari ini.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani memberitahu Kabinet pada 1 November lalu telah membuat keputusan untuk membekukan sementara projek pembangunan

hartanah yang bernilai lebih RM1 juta.

Langkah itu diambil selepas mengambil kira isu kemerosotan pasaran hartanah yang menyaksikan semakin ramai pembeli tidak mampu memiliki rumah kerana dijual pada harga terlalu tinggi.

REHDA menambah, pihaknya berharap kerajaan akan mempertimbangkan peraturan baharu dan mengambil kira harga tanah yang tinggi di sesetengah kawasan.

Menurut persatuan itu, pembinaan hartanah di bawah RM1 juta adalah tidak praktikal di atas tanah yang mahal.

“Bagaimanapun, masih terdapat permintaan terhadap hartanah mewah bergantung kepada lokasi yang sesuai. Selain itu, REHDA menyarankan agar setiap pemaju melaksanakan kajian secara menyeluruh sebelum melakukan sesuatu projek,” jelasnya.

